



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA**  
**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

---

**“PENAMBAHBAIKAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT NRIC PEMILIK KENDERAAN  
SINGAPURA MELALUI APLIKASI TNG UNTUK PENDAFTARAN VEP”**

**PUTRAJAYA, 20 September 2024** – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia sentiasa menambah baik proses pendaftaran Permit Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) bagi memudahkan urusan pemilik kenderaan Singapura mendapatkan tag RFID VEP.

JPJ telah bekerjasama dengan pihak Touch 'n Go (TNG) bagi mengemaskini maklumat Nombor Kad Pengenalan atau *National Registration Identity Card* (NRIC) pemilik kenderaan Singapura menerusi aplikasi TNG eWallet melalui menu 'VEP JPJ' untuk memudahkan permohonan tag RFID VEP.

Bagi tujuan tersebut, pemilik kenderaan Singapura yang merupakan pengguna aplikasi TNG eWallet Singapura perlu mengemaskini aplikasi TNG eWallet kepada versi yang terkini iaitu iOS versi 1.8.37, Android versi 1.8.35.1 dan Huawei versi 1.8.35.1.

Pihak TNG turut menyediakan pemudahcara yang akan membantu pemilik kenderaan Singapura bagi mengemaskini maklumat yang berkaitan TNG eWallet. Pemudahcara ini akan ditempatkan di lokasi yang telah ditetapkan bermula Isnin, 23 September 2024 seperti berikut :

<b>LOKASI PEMUDAHCARA TNG eWALLET – JPJ VEP</b>
<b>Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Johor</b> Kompleks JPJ, Taman Daya 80990 Johor Bahru
<b>Akademi Pengangkutan Jalan Wilayah Selatan</b> Jalan Kebun Teh Lama, Larkin 80250 Johor Bahru

Pihak MOT dan JPJ berharap usaha ini sebagai salah satu inisiatif memudahkan proses pendaftaran VEP ke atas pemilik kenderaan Singapura seterusnya memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik dan cekap demi menjamin kesejahteraan dan keselesaan pengguna jalan raya di Malaysia.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA**  
**20 SEPTEMBER 2024**

**[TAMAT]**

## PROSES PENGEMASKINIAN MAKLUMAT NRIC PEMILIK KENDERAAN SINGAPURA MELALUI APLIKASI TNG UNTUK PENDAFTARAN VEP







Cara-cara untuk mengemaskini Nombor Kad Pengenalan atau *National Registration Identity Card* (NRIC) di dalam aplikasi TNG eWallet adalah seperti berikut:

- i. Pengguna perlu membuka aplikasi TNG eWallet dan klik butang “**VEP JPJ**” pada halaman utama TNG eWallet.
- ii. Pengguna perlu menyemak **eKYC pengguna**. Sila sahkan identiti anda sekiranya proses pengesahan diri masih belum dilakukan.
- iii. Pengguna masuk ke dalam halaman utama VEP JPJ dan masukkan nombor **Kad Pengenalan Singapura**.
- iv. Sistem akan menyemak keunikan dan nombor karakter Kad Pengenalan Singapura.
- v. Pengguna perlu menekan kotak persetujuan “**consent box**” dan butang kirim “**submit**”.
- vi. Sistem akan mengeluarkan mesej pengesahan untuk pengguna membuat pengesahan.
- vii. Pengguna perlu memasukkan 6-digit nombor PIN untuk pengesahan akhir.
- viii. Mesej penyerahan maklumat telah dimasukkan ke dalam sistem akan dipaparkan.
- ix. Akhir sekali, paparan Kad Pengenalan Singapura telah **dikemaskini**.

Pengguna-pengguna aplikasi TNG eWallet Singapura boleh menambah nilai akaun TNG eWallet mereka melalui kredit kad, PayNow atau pin nilai tambah sahaja.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan pendaftaran akaun TNG eWallet, boleh hubungi melalui Chatbox di laman sesawang <https://www.touchngo.com.my/>

## VEP JPJ – Sistem Kemaskini Nombor Kad Pengenalan Singapura (1/2)

<p>Membuka aplikasi TNG eWallet dan klik butang "VEP JPJ"</p>	<p>Semak eKYC pengguna. Sahkan identiti sekiranya masih belum dilakukan.</p>	<p>Masuk ke dalam Laman Utama VEP JPJ.</p>	<p>Isi No Kad Pengenalan Singapura pengguna.</p>	<p>Sistem akan menyemak keunikan dan jumlah karakter Kad Pengenalan Singapura.</p>	<p>Mesej Pengesahan bagi pengguna membuat pengesahan terakhir.</p>
					

## VEP JPJ – Sistem Kemaskini Nombor Kad Pengenalan Singapura (2/2)

<p>Loading</p>	<p>Pengguna perlu memasukkan 6-digit PIN untuk pengesahan</p>	<p>Mesej penyerahan maklumat telah dimasukkan kedalam sistem</p>	<p>Kad Pengenalan Singapura telah dikemaskini.</p>
